



SELAMAT CEMERLANG BAGI SISWA / SISWI GENERASI FELDA SIDANG AKADEMIK 2012 / 2013

Daripada :

PERMUSAFAKATAN SISWA / SISWI FELDA (PERSADA)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PARA ahli Persada UMS merakamkan kenangan bersama tetamu jemputan lain.

Persada UMS dianggap sekretariat yang aktif

UB 20-09-2012 AG

KOTA KINABALU:

Walaupun baru sahaja ditubuhkan tahun 2010, namun Persatuan Anak-Anak Felda (Persada) Universiti Malaysia Sabah (UMS), antara sekretariat yang aktif dalam penganjuran dan penyertaan program diperingkat universiti mahupun kebangsaan.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md Mansur berkata bersesuaian dengan slogan persatuan itu iaitu 'Kitalah Pewarisnya', Persada UMS sering menganjurkan aktiviti kemahasiswaan dan kemasyarakatan.

Menurutnya, dasar kerajaan hari ini begitumениkt beratkan kebijakan dan kemudahan warga Felda khususnya melalui pendidikan.

Justeru katanya, segala usaha yang dijalankan untuk menaikkan nama Felda perlu dihargai oleh semua mahasiswa khususnya dari kalangan anak-anak Felda sendiri.

"Anak-anak Felda yang berjaya menjadi mahasiswa perlu mempergunakan sebaiknya peluang yang diperolehi untuk mencapai kejayaan dan mengharumkan nama bangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis



SIMBOLIK penyerahan tabung bantuan etnik Rohingya daripada Kasim (tengah) kepada Ahmad (dua kiri) pada majlis itu.

sambutan Raya Merdeka 1Malaysia Persada 2012 di Dataran Anjung Siswa UMS, baru-baru ini.

Kasim berkata, mahasiswa perlulah menjadi warganegara yang baik dengan menuaikan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia bukannya terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat.

Selain itu, majlis berkenaan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Ahmad Maslan bersama rombongan Seranta (Felda) JPM.

Pada majlis itu, Kasim turut menyampaikan Tabung Bantuan Kemanusiaan untuk

etnik Rohingya kepada Ahmad sambil disaksikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan HEP, UMS, Mohd Raffie Janau.

Usaha dan keprihatinan Persada UMS dengan bantuan Seranta (Felda) JPM itu sebagai menuaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sementara itu, Ahmad turut berharap Persada UMS terus cemerlang seiring dengan kecemerlangan akademik.

Jelasnya, sokongan dan komitmen daripada JPM dan Felda sendiri akan terus mengiringi usaha yang dilaksanakan oleh pihak Persada UMS.